



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami: JPA (K)(S) 269/2/2 Klt.12 (21)

Tarikh: // MEI 2010

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**PENAMBAHAN SYARAT PERTUKARAN SEMENTARA/ PEMINJAMAN BAGI
PEGAWAI YANG DILANTIK SECARA PERTUKARAN SEMENTARA/
PEMINJAMAN**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang tuan maklum, pertukaran sementara/ peminjaman merupakan kaedah pengambilan pegawai tetap bagi melaksanakan sesuatu tugas tertentu dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan hakikinya mengikut syarat yang dipersetujui antara pegawai, agensi dan Pihak Berkuasa Melantik selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap (PP 12/2008).

3. Berdasarkan syarat pertukaran sementara/ peminjaman, tempoh perkhidmatan pegawai di agensi peminjam akan berakhir sebaik sahaja tamat tempoh perkhidmatan pertukaran sementara/ peminjaman yang ditetapkan dan pegawai perlu kembali ke jawatan hakiki seolah-olah pegawai tidak pernah ditukar sementara/ dipinjamkan. Bagi pegawai yang bersara dalam tempoh pertukaran sementara/ peminjaman, tempoh berkenaan akan tamat pada tarikh persaraan pegawai dan beliau akan bersara atas jawatan hakiki di agensi pembekal selaras dengan peraturan pencen yang berkuat kuasa.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan memutuskan supaya kedudukan pegawai yang bersara semasa dalam tempoh pertukaran sementara/ peminjaman diperjelaskan dan dijadikan peruntukan tambahan dalam syarat pertukaran sementara/ peminjaman sedia ada. Dari segi pelaksanaan, peruntukan ini hendaklah dijadikan sebagai syarat tambahan kepada syarat pertukaran sementara/ peminjaman sedia ada dalam Lampiran J, K dan R kepada PP 12/2008. Syarat tambahan ini hanya diperuntukkan bagi urusan pertukaran sementara/ peminjaman baru yang akan dilaksanakan selepas tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:-


“Persaraan dalam tempoh pertukaran sementara/ peminjaman :

Sekiranya tuan bersara semasa dalam tempoh pertukaran sementara/ peminjaman di agensi peminjam, tuan akan bersara mengikut jawatan hakiki di agensi pembekal dan faedah persaraan tuan akan dibayar berdasarkan jawatan tersebut.”

5. Kerjasama pihak tuan melaksanakan keputusan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k

Semua Ketua Setiausaha Kementerian